

# Kerjasama perdagangan melangkaui wilayah: PM

BH - 22/6/07

## Malaysia, Bosnia perlu manfaatkan kelebihan masing-masing

**Mahfar Ali**  
Sarajevo,  
Bosnia-Herzegovina



**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan Malaysia dan Bosnia Herzegovina boleh memanfaatkan kelebihan masing-masing untuk memperluaskan kerjasama dalam bidang ekonomi serta perdagangan melangkaui pasaran wilayah Eropah Tengah dan Asia.

Perdana Menteri yang tiba di sini semalam bagi memulakan lawatan rasmi tiga hari berkata, hubungan perdagangan kedua-dua negara tidak seharusnya memberi fokus terhadap pasaran dalam negara masing-masing, sebaliknya negara ini boleh digunakan sebagai pintu masuk ke pasaran Eropah Tengah, manakala Malaysia ke pasaran Asia.

Beliau berkata, ketika ini, Bosnia mempunyai laluan memasuki pasaran Eropah Tengah menerusi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Eropah Tengah ditandatangani pada Disember 2006, manakala Malaysia dapat menembusi pasaran Asia melalui FTA Asean serta sedang berunding menandatangani perjanjian bersama dengan China, Jepun, Korea, India, Australia dan New Zealand.

Berucap pada Forum Perniagaan disertai lebih 300 usahawan kedua-dua negara di Radon Plaza di sini, Abdullah berkata, beliau juga mahu melihat penyertaan besar sektor swasta Malaysia dalam pembangunan ekonomi di Bosnia Herzegovina dalam usaha memperkukuhkan lagi hubungan pada peringkat kerajaan.

"Kerajaan kedua-dua negara jelas



**JALIN HUBUNGAN:** Abdullah sambil diiringi Nikola Spiric memeriksa barisan kehormatan tentera Bosnia selepas tiba sempena lawatan tiga hari ke Bosnia, semalam.

komited mewujudkan suasana yang boleh merancakkan lagi perdagangan dan pelaburan bagi kemajuan bersama.

"Kita juga membuka laluan meningkatkan kerjasama perdagangan menerusi penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Bosnia Herzegovina pada 1995," katanya pada forum yang turut disertai beberapa syarikat terkemuka Malaysia, termasuk Kumpulan Berjaya, Naza dan Felda.

Ketika ini, beberapa syarikat Malaysia terbabit dalam projek pembi-

naan bangunan komersial dan perumahan menerusi Projek Pembangunan Pusat Bandar di sini.

Terdahulu, Abdullah mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Majlis Menteri-Menteri Bosnia Herzegovina, Nikola Spiric di Konak Residence dan mengetuai delegasi Malaysia pada mesyuarat dengan Lembaga Menteri sebelum menyaksikan majlis menandatangani perjanjian mengelak cukai berganda.

Perjanjian itu ditandatangani Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid

Albar, manakala Bosnia Herzegovina diwakili Timbalan Perdana Menternya yang juga Menteri Perbendaharaan dan Kewangan, Dragon Vrankic. Hadir sama, Menteri Kerjaraya Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli.

Pada sidang akhbar bersama selepas itu, Perdana Menteri berkata, beliau mempunyai misi persahabatan meningkatkan kerjasama kedua-dua negara dalam pelbagai bidang.

REUTERS